



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

KENYATAAN MEDIA

NRES DAN KERAJAAN NEGERI PERKUKUH KOMITMEN BANTERAS AKTIVITI E-WASTE HARAM

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) telah menganjurkan Mesyuarat Menteri-Menteri Alam Sekitar dan Ahli-Ahli Majlis Kerajaan Negeri yang Bertanggungjawab mengenai Alam Sekitar Bilangan 1 Tahun 2026 (MEXCOE Bil. 1/2026) dengan dipengerusikan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, YB Dato' Sri Arthur Joseph Kurup. Mesyuarat tersebut berfungsi sebagai platform rasmi untuk menggalakkan kerjasama dan penyelarasan dasar, program serta aktiviti pengurusan alam sekitar antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Mesyuarat ini telah dihadiri oleh Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang memegang portfolio berkaitan alam sekitar dari seluruh negara, serta pegawai-pegawai Kementerian, jabatan dan agensi berkaitan di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Penyertaan yang komprehensif ini mencerminkan komitmen bersama untuk menangani isu-isu alam sekitar secara menyeluruh dan inklusif.

Fokus utama mesyuarat pada kali ini adalah supaya semua Kerajaan Negeri mengambil tindakan tegas terhadap premis-premis yang menjalankan aktiviti pemprosesan *e-waste* secara haram di negeri masing-masing. Menerusi pelaksanaan tiga(3) siri Ops Hazard oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) dengan kerjasama pelbagai agensi penguatkuasaan, sebanyak 83 buah kilang pemprosesan *e-waste* secara haram telah dikenal pasti di seluruh Malaysia.

Selaras dengan komitmen Kerajaan dalam membanteras aktiviti pemprosesan *e-waste* secara haram di negara ini, mesyuarat telah bersetuju bahawa tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas dan menyeluruh perlu dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Antara tindakan yang dipersetujui termasuk perobohan premis haram serta pelaksanaan tindakan rampasan tanah terhadap premis-premis yang terlibat dalam aktiviti tersebut.

Pendekatan ini merupakan langkah proaktif dan strategik bagi memperkukuh tindakan penguatkuasaan sedia ada di samping memastikan aktiviti pemprosesan *e-waste* secara haram dapat dibanteras secara lebih efektif.

Melalui mesyuarat ini, NRES turut berkongsi mengenai dapatan kajian Indeks Prestasi Alam Sekitar Malaysia (MyEPI) yang telah dilaksanakan secara kerjasama strategik bersama Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Kajian MyEPI ini menyediakan penilaian komprehensif mengenai prestasi alam sekitar di seluruh Malaysia yang berfungsi sebagai alat sokongan pembuatan keputusan berasaskan data (*evidence-based*) yang komprehensif.

Selain itu, mesyuarat turut membincangkan beberapa perkara penting yang lain termasuk status pelaksanaan larangan penggunaan beg plastik jinjit sekali guna di seluruh Malaysia; ketersediaan Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) untuk pemantauan aktiviti jerebu rentas sempadan menggunakan Pemodelan Sebaran Aerosol dan Pencemar Udara (*Malaysian Community Multiscale Air Quality*, MyCMAQ) dan status insiden pembakaran terbuka dan tindakan pencegahan.

Mesyuarat MEXCOE Bil. 1/2026 melabuhkan tirai dengan komitmen daripada semua ahli mesyuarat untuk membawa perkara-perkara yang dibincangkan ke platform bersesuaian di peringkat Negeri. Tindakan susulan yang menyeluruh ini adalah penting bagi memastikan kelestarian alam sekitar terus terjamin demi kesejahteraan generasi akan datang selari dengan pembangunan negara.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
7 MEI 2026

